



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a)

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.

**JURUTERA KERJA (B.3)
JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**JURUTERA KERJA
JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
B.3 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)
KEKOSONGAN = LAPAN (08)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Awam / Kejuruteraan Bangunan / Kejuruteraan Struktur atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- b. i. Telah berkhidmat di Jabatan Kerja Raya sebagai Jurutera atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- ii. Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

ATAU

2. a. **Bagi yang tidak mempunyai ijazah**, hendaklah telah berkhidmat di Jabatan Kerja Raya sebagai Jurutera atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.

ATAU

- b. **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah**, hendaklah telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.



3. Mempunyai kelulusan profesional (*Chartered*) seperti menjadi ahli kepada salah satu yang tersenarai di bawah atau sebanding:
 - a. *Institution of Civil Engineers, United Kingdom (MICE)*;
 - b. *Institution of Mechanical Engineers, United Kingdom (MIMechE)*;
 - c. *Institution of Engineering and Technology, United Kingdom (MIET)*; dan
 - d. *Chartered Institute of Building Service Engineers, United Kingdom (CIBSE)*.
4. Berdaftar sebagai Jurutera Profesional di Lembaga Arketik, Jurutera Profesional atau Juruukur Bahan Brunei Darussalam (*BAPEQS*) dan tidak mansuh.
5. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap yang **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

TUGAS-TUGAS UTAMA:

Memantau dan mengawasi pelaksanaan projek Jabatan, projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) dan projek-projek pemeliharaan bangunan yang diamanahkan untuk dilaksanakan supaya ianya mengikut harga, masa dan kualiti yang telah ditetapkan.

SECARA AMNYA:

1. Melapor kepada Jurutera Kerja Kanan / Arkitek Kanan / Ketua Juruukur Bahan dan bertanggungjawab kepada Jurutera, Arkitek dan Juruukur Bahan serta kakitangan;
2. Mengawasi pelaksanaan peruntukan bagi projek-projek dibawah peruntukan berulang-ulang dan (RKN);
3. Memastikan projek yang dilaksanakan mengikut peraturan yang terkandung di dalam Piawaian Brunei Darussalam (PDB) 12, Peraturan-Peraturan Kewangan (*FR*), *Green Building Initiative (GBI)* dan akta yang berkuatkuasa pada masa ini;
4. Menyediakan, memantau dan meneliti pelaksanaan *Building Condition (BCA)* dan *Facilities Management (FM)* bagi bangunan-bangunan Kerajaan yang dibawah kawalan Jabatan ini;



5. Meneliti penyediaan anggaran pemeliharaan bagi projek-projek yang baru;
6. Meneliti dan memantau penyediaan dokumen tawaran seperti lukisan dan spesifikasi;
7. Meneliti penilaian tawaran (*tender assessment*);
8. Memantau dan menyediakan laporan ke atas status pelaksanaan projek;
9. Meneliti penyediaan pembayaran, permohonan pesanan perubahan, permohonan tambahan masa dan sebagainya;
10. Bertanggungjawab dan memantau pengurusan dan pembahagian kerja ke atas kakitangan di bawahnya dalam merancang, menyelidik dan melaksanakan projek supaya ianya berjalan dengan lebih baik dan lancar;
11. Memberikan khidmat nasihat dan tunjuk ajar mengenai proses pelaksanaan projek kepada orang bawahan; dan
12. Menjalankan tugas-tugas lainnya sepertimana diarahkan oleh Jurutera Kerja Kanan / Arkitek Kanan / Ketua Juruukur Bahan dan pihak atasan.